

# GARIS MASA SEJARAH CPIB

Biro Siasatan Amalan Rasuah (CPIB) ditubuhkan pada September 1952 oleh pemerintah penjajah British dalam usaha kawal dan cegah kegiatan rasuah di Singapura. Hari ini, CPIB sebuah agensi pemerintah di bawah Pejabat Perdana Menteri - satu-satunya agensi diberi kuasa siasat kesalahan rasuah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1960 dan kesalahan lain berkaitan di Singapura. Sempena sambutan ulang tahunnya ke-70 tahun ini, Berita Harian berkongsi warisan dan sejarah agensi itu.


1937

Pada Disember 1937, undang-undang antirasuah pertama diperkenal dengan penggubalan Ordinan Pencegahan Rasuah (POCO) untuk cegah rasuah dan kerja rahsia dalam perniagaan awam dan swasta.

1952

CPIB ditubuhkan pada September 1952 di bawah bidang kuasa Peguam Negara.

1959



Titik perubahan bermula pada 1959 apabila Singapura punya pemerintah sendiri. Perdana Menteri Pengasas, Encik Lee Kuan Yew dan Parti Tindakan Rakyat (PAP) mengangkat sumpah jawatan pada Jun 1959 memakai seragam parti berwarna putih lambang kesucian dan sifat amanah anggotanya.

1975

Satu kes yang kejutkan negara berlaku apabila Wee Toon Boon, yang ketika itu Menteri Negara bagi Sekitaran, didakwa dengan rasuah libatkan jumlah melebihi \$800,000. Wee disabit kesalahan dan dihukum penjara. Sabitan terhadap Wee tonjolkan kemahuan politik pemerintah dalam membasmikan rasuah dan ketegasan CPIB dalam melaksana tugas secara tidak berat sebelah.

1984

CPIB berpindah ke Hill Street pada 6 Ogos 1984.

1995


Ujian poligraf diperkenal sebagai alat siasatan. Sejak 1995, Indeks Persepsi Rasuah oleh Transparency International (TI) secara konsisten letakkan negara ini dalam tangga 10 negara teratas yang paling bebas rasuah di dunia, dan entiti ekonomi paling bebas rasuah di Asia berdasarkan tinjauan tahunan oleh Political & Economic Risk Consultancy (PERC).

1998

Pada 9 Mac 1998, CPIB berpindah ke premis bekas Sekolah Rendah Keppel di Cantonment Road.

2004

Biro itu berpindah ke tempat baru di Lengkok Bahru. Bangunan baru itu antara lain tempatkan auditorium, pusat warisan dan bilik wawancara. CPIB juga bentuk Unit Forensik Komputer.



2015

Pada 9 Januari 2015, CPIB anjurkan Majlis Pujian buat kali pertama bagi iktiraf individu pamer contoh wibawa dan telah tolak rasuah. CPIB dan Kolej Perkhidmatan Awam (CSC) juga sama-sama anjurkan Persidangan Kewibawaan dalam Nilai-Nilai Tindakan Perkhidmatan Awam pada 13 Januari. Pada tahun itu, CPIB keluarkan laporan perangkaan rasuah yang pertama. Laporan itu ketengah jumlah aduan yang CPIB terima dan kes yang didaftar bagi rasuah berada di paras terendah dalam tempoh 30 tahun.

1946


POCO disemak pada 1946, jadikan kesalahan rasuah boleh disita, dan beri pegawai polis kuasa lebih luas tangkap, geledah dan siasat bagi peranggi rasuah.

1960

Akta Pencegahan Rasuah, yang diperkenal Menteri Ehwal Dalam Negeri, Encik Ong Pang Boon, digubal pada 17 Jun 1960.

1961

CPIB diberi ruang pejabat sendiri pada 1961 apabila ia pindah ke bangunan tiga tingkat di Stamford Road dan ia kekal di situ selama 23 tahun.



1963

Pada 1963, CPIB diletak di bawah bidang kuasa Pejabat Perdana Menteri (PMO) tetapi dipindahkan ke Pejabat Peguam Negara (AGC) pada 1965. CPIB kembali kepada PMO pada 1969 dan kekal sehingga hari ini.

1986

Teh Cheang Wan, yang ketika itu Menteri Pembangunan Negara, disiasat kerana terima rasuah berjumlah \$1 juta daripada dua syarikat swasta kerana bantu mereka kekal dan beli sebidang tanah negara bagi pembangunan swasta. Beliau bunuh diri pada 14 Disember 1986 sebelum didakwa secara rasmi di mahkamah.

1989

Jawatankuasa Penilaian Aduan dibentuk pada 1989 bagi menilai aduan dakwaan rasuah yang diterima biro itu dan untuk putuskan tindakan susulan.

1994

Choy Hon Tim, ketika itu timbalan ketua eksekutif (operasi) PUB, disiasat kerana konspirasi jenayah dan terima rasuah \$13.85 juta. Dia didakwa dan dihukum penjara selama 14 tahun. Sehingga hari ini, rasuah yang diterimanya kekal sebagai jumlah terbesar wang rasuah dalam sejarah.

1997

Skim Penolong Siasatan Amalan Rasuah (CPIA) diperkenal untuk ganti skim dikenali sebagai skim Penolong Penyiasat Khas (ASI).

2002

CPIB lancarkan logo semasanya - semakan ketiga sejak biro itu ditubuhkan.

2012

Ulang tahun ke-60 CPIB di Istana dihadiri Perdana Menteri, Encik Lee Hsien Loong, bersama Encik Lee Kuan Yew, Menteri Kanan Emeritus (ESM) Encik Goh Chok Tong, dan mantan pengarah CPIB. Buku, *The Journey - 60 Years of Fighting Corruption in Singapore*, turut dilancar.



2015

CORRUPTION REPORTING & HERITAGE CENTRE

